



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular And Arts Division

Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333

Faks : +603 88841034/88886790

Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPM.600-12/1/4 JLD ()

Tarikh : 6 Januari 2020

\Jamadilawal 1441 H

Encik Mohd Suhaimi Bin Ramly
Pengarah Urusan
Ardent Educational Consultants
100-1 jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang
Taman Danau Kota, 53300 Setapak Kuala Lumpur

Tuan,

PENERUSAN PENGANJURAN PERTANDINGAN **MALAYSIAN EARTH SCIENCE OLYMPIAD (MyESO)**, **MALAYSIAN ASTRONOMY OLYMPIAD (MyAO)** DAN **MALAYSIAN JUNIOR SCIENCE OLYMPIAD (MYJSO)** DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2020

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima maklumat berkaitan **Penerusan Penganjuran Pertandingan Malaysian Earth Science Olympiad (MyESO), Malaysian Astronomy Olympiad (MyAO) Dan Malaysian Junior Science Olympiad (MYJSO) Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia Bagi Tahun 2020** oleh pihak tuan. Program bertujuan memupuk dan menarik minat murid dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) khususnya matematik.

3. Kementerian ini **tiada halangan** membernarkan pihak tuan melaksanakan program tersebut pada tahun 2020 dan memutuskan program/pertandingan berkenaan **diktiraf sebagai program kokurikulum mengikut peringkat pelaksanaan samada peringkat sekolah/negeri/kebangsaan atau antarabangsa (berdasarkan laporan yang diterima kelak).**

4. Kelulusan ini juga tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 9/2004 - Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agen Selain Daripada Agensi di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2009 dan Bil. 7/1988 yang antaranya mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Mendapat kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- ii. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- iii. Murid-murid dan guru serta pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini.
- iv. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;

- v. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- vi. Penglibatan murid juga perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan;
- vii. Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- viii. Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan.


5. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa penyertaan guru dan murid dalam program tersebut tidak akan memberikan implikasi kewangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat. Pihak tuan juga diminta berbincang dan mendapat kebenaran Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi yang negatif daripada program yang dijalankan. Pihak tuan juga diingatkan semua surat menyurat berkaitan program ini hendaklah melalui Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah bukan terus kepada pihak sekolah.

6. Kelulusan ini adalah hanya untuk **Penerusan Penganjuran Pertandingan Malaysian Earth Science Olympiad (MyESO), Malaysian Astronomy Olympiad (MyAO) Dan Malaysian Junior Science Olympiad (MYJSO) Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia Bagi Tahun 2020**. Pihak tuan juga dipohon menghantar laporan ringkas program mengikut format yang dilampirkan bersama-sama surat ini selepas 2 minggu program selesai dijalankan, sementara laporan penuh program bolehlah dihantar di akhir tahun 2020. Pegawai Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia, **Pn. Zalina Kamis (03-8884 1024 atau emel: zalina.kamis@moe.gov.my)** sedia membantu untuk memberikan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SUAIMI SUN BIN ABDULLAH)

Timbalan Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k:
- 1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)
 - 2. Pengarah, Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian.
 - 3. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri.